

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU]

TARIKH : 11 NOVEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

YB DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan:

- (a) apakah kesan penurunan jumlah ketibaan pelancong warga China sejak krisis pandemik COVID-19 berbanding tahun 2018 dan 2019; dan
- (b) apakah langkah-langkah Kementerian sebagai persediaan sekiranya pembukaan sempadan negara dibenarkan kelak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Penularan wabak COVID-19 telah memberi impak negatif yang sangat besar kepada industri pelancongan di seluruh dunia. Bagi Malaysia, Kempen Tahun Melawat Malaysia 2020 yang telah dirancang terpaksa dibatalkan berikutan pengisytiharan dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020 yang lalu.
2. Susulan pandemik ini, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) menganggarkan kerugian melebihi RM100 bilion bagi industri

NO. SOALAN : 11

pelancongan pada tahun 2020 akibat kehilangan perbelanjaan pelancong terutamanya yang berkaitan dengan penginapan, pengangkutan, membeli-belah, makanan dan minuman. Dalam hal ini, sektor pelancongan antarabangsa atau pasaran *inbound* telah mencatatkan kerugian lebih besar berbanding pasaran domestik. Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di seluruh negara kecuali Perlis, Kelantan dan Pahang berikutan gelombang ketiga penularan COVID-19 yang melanda negara ketika ini juga boleh memberi kesan yang lebih buruk.

3. Data pelancongan antarabangsa bagi tahun 2019 menunjukkan bahawa perbelanjaan oleh pelancong dari China merupakan kedua tertinggi dengan sumbangan sebanyak 17.8%.

4. Sebagai perbandingan, jumlah pelancong China bagi separuh tahun pertama (Januari – Jun) pada tahun 2019 ialah seramai 1,558,782 orang iaitu peningkatan sebanyak 6.41% daripada tempoh yang sama pada tahun sebelumnya iaitu tahun 2018. Manakala seperti yang telah dijangkakan, penularan wabak COVID-19 telah menjejaskan kehadiran jumlah pelancong asing ke Malaysia, dengan kehadiran pelancong China bagi separuh tahun pertama pada tahun ini merosot sekitar 74% berbanding tempoh yang sama pada tahun 2019.

5. Apabila pintu sempadan negara dibuka kelak, MOTAC akan terus memastikan kesinambungan usaha-usaha membangunkan industri pelancongan negara. Antaranya:

- (i) meningkatkan kerjasama dengan Kementerian dan agensi berkaitan bagi memudahkan kemasukan pelancong asing dengan mengambil kira pembudayaan kelaziman dan norma baharu;
- (ii) melaksanakan strategi pelan pemulihan terutamanya untuk “*market rebound*” bagi pasaran serantau iaitu ASEAN dan juga pasaran jarak sederhana iaitu Asia Timur selaku penyumbang terbesar kepada jumlah kehadiran dan perbelanjaan pelancong asing ke Malaysia apabila keadaan pasaran dan ekonomi

NO. SOALAN : 11

semakin pulih. Di samping itu, MOTAC melalui agensinya Tourism Malaysia akan merencanakan semula jenama *Malaysia Truly Asia* dengan memberi penekanan pada konsep *Experiential Malaysia* sebaik sahaja wabak COVID-19 dapat dibendung;

- (iii) mempertingkatkan kerjasama strategik dengan sektor swasta seperti syarikat/agensi pelancongan, dan pengusaha-pengusaha produk pelancongan dalam membangunkan pakej-pakej pelancongan yang menarik/minat khas (*niche*) bagi meningkatkan pendapatan pelancongan dan ketibaan pelancong asing dari pasaran sasaran;
- (iv) meneruskan pelaksanaan *Joint International Tourism Development Program* (JITDP) bagi mempergiat kerjasama strategik dengan syarikat-syarikat penerbangan tempatan dan antarabangsa terutamanya perkhidmatan penerbangan sewa khas bagi tujuan meningkatkan kekerapan dan penawaran tempat duduk penerbangan ke Malaysia; dan
- (v) memaksimumkan potensi sosio-ekonomi sektor pelancongan menerusi digitalisasi dalam merangka strategi promosi dan pemasaran bersasar yang berdaya saing serta pembangunan platform dalam talian khusus bagi agensi pelancongan tempatan.

Sekian, terima kasih.